



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PERANAN KAUM WANITA MENERUSI NYABAK KERUGGAN
DI DALAM PERAYAAN GAWAI ANTU DI BETONG, SARAWAK**

Phillip Anak Gundi

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(Drama dan Teater)
2018**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report



Masters



PhD



DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 7th day of June year 2018

Student's Declaration:

I Phillip Anak Gundi, 54356, Faculty Of Applied And Creative Arts hereby declare that the work entitled "Peranan Kaum Wanita Menerusi Nyabak Keruggan Di Dalam Perayaan Gawai Antu Di Betong, Sarawak" is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources with the exception where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part of the work been written for me by another person.

7/06/2018

Date submitted



Phillip Anak Gundi
(54356)

Supervisor's Declaration:

I Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin hereby certify that the work entitled "Peranan Kaum Wanita Menerusi Nyabak Keruggan Di Dalam Perayaan Gawai Antu Di Betong, Sarawak" was prepared by the above name student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of Bachelor Of Applied Art With Honours (Drama and Theatre) and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:

(Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin)

Date: 11/06/2018

I declare this Project/Thesis is classified as (Please tick (√))

CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*

RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*

OPEN ACCESS

I declare this Project/Thesis is to be submitted to the Centre for Academic Information Services and uploaded into UNIMAS Institutional Repository (UNIMAS IR) (Please tick (√)):

YES

NO

Validation of Project/Thesis

I hereby duly affirmed with free consent and willingness declared that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abide interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic and research purposes only and not for other purposes.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitize the content to be uploaded into Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis if required for use by other parties for academic purposes or by other Higher Learning Institutes.
- No dispute or any claim shall arise from the student himself / herself neither a third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student himself/herself without first obtaining approval from UNIMAS.

Student's signature _____

(7th June 2018)

Supervisor's signature: _____

(7th June 2018)

Current Address:

KAMPUNG MUNGGU SAWA ILI, 94900 LINGGA SRI AMAN SARAWAK.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the date of restriction indicated, and the reasons for the confidentiality and restriction.

[The instrument was prepared by The Centre for Academic Information Services]

**PERANAN KAUM WANITA MENERUSI NYABAK KERUGGAN DI
DALAM PERAYAAN GAWAI ANTU DI BETONG, SARAWAK**

PHILLIP ANAK GUNDI

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Drama dan Teater)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2018

PENGAKUAN

Projek bertajuk **Peranan Kaum Wanita Menerusi Nyabak Keruggan Di Dalam Perayaan Gawai Antu Di Betong Sarawak** telah disediakan oleh **Phillip Anak Gundi** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (**Drama dan Teater**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Encik Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin)

Tarikh :

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana berkat yang dicurahkan ke atas hambanya telah pun menyiapkan kajian tahun akhir dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pensyarah-pensyarah Program Drama dan Teater terutamanya penyelia iaitu Encik Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin.

Ucapan terima kasih yang tidak terkata kepada kedua ibu bapa serta kakak, abang, dan kakak ipar yang telah membantu menyiapkan kajian ini. Bantuan dari segi sokongan moral mahupun keewangan amat dihargai. Selain itu, terima kasih juga kepada Dr Anna Durin kerana memberi maklumat berkenaan dengan perayaan Gawai Antu yang telah dijalankan. Tidak lupa juga kepada saudara-mara yang telah banyak membantu dengan memberi maklumat yang berguna.

Di samping itu, kepada rakan-rakan sekalian yang telah memberi kata motivasi dan dorongan padu selama pengkaji menyiapkan dan menjalankan kajian. Ucapan terima kasih kepada ketua kampung Nanga Padeh iaitu Encik Tonny sekeluarga, Pemancha Desmond Tawie sekeluarga, Lemambang Indai Bujang, Encik Garan dan seluruh warga kampung Nanga Padeh Betung. Segala bantuan dari segi tempat tinggal dan masa yang diluangkan untuk menjawab soalan temubual amat dihargai. Akhir kata ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua kerana membantu pengkaji selama menyiapkan kajian berkenaan dengan perayaan Gawai Antu yang berfokus terhadap Nyabak Keruggan.

ISI KANDUNGAN

Tajuk	Halaman
Penghargaan	i
Isi Kandungan	ii – iv
Abstrak	v
Abstract	vi
Bab Satu: Pengenalan	1
1.1 Pendahuluan	1 – 2
1.2 Latar Belakang Kajian	2 – 3
1.3 Skop Kajian	3 – 4
1.4 Permasalahan Kajian	4 – 5
1.5 Persoalan Kajian	5
1.6 Objektif Kajian	6
1.7 Kepentingan Kajian	6 – 7
1.8 Hipotesis	7
1.9 Kesimpulan	7 – 8
Bab Dua: Kajian Literatur	9
2.1 Pendahuluan	9
2.2 Latar Etnik Iban	9 – 10
2.3 Sambutan Perayaan Gawai Antu	10
2.4 Kajian Tradisional	10 – 12

2.5 Kajian Feminisme	12 – 16
2.6 Kesimpulan	16
Bab Tiga: Metodologi Kajian	17
3.1 Pendahuluan	17
3.2 Lokasi Kajian	17
3.3 Reka Bentuk Kajian	17 – 19
3.4 Data Primer	19 – 22
3.5 Data Sekunder	22 – 23
3.6 Kerangka teori	23 – 25
3.6.1 Aspek Watak Perwatakan Sebagai Seorang Wanita	25 – 26
3.6.2 Aspek Peranan Kaum Wanita	26 – 27
3.6.3 Aspek Hak Sama Rata Diantara Lelaki Dan Perempuan	27 – 28
3.6.4 Aspek Sifat Kewanitaan	27 – 28
3.7 Kesimpulan	28 – 29
Bab Empat: Dapatan Kajian	30
4.1 Pendahuluan	30
4.2 Susunan Perayaan Gawai Antu	30 – 31
4.2.1 Ngempi (Penyediaan Tuak Beras)	31 – 33
4.2.2 Ngambi Buluh (Pengambilan Buluh)	33 – 34
4.2.3 Nyembelih Ngayam (Penyembelihan Binatang Ternakan)	34 – 35
4.2.4 Ngayam (Anyaman Kraf Tangan)	35 – 39
4.2.5 Nyembelih Mantar (Pra Gawai)	40 – 42

4.2.6 Gawai Antu Nyadi (Hari Kejadian	42 – 46
4.2.7 Nganjung Raga (Menghantar Kraf Tangan Ke Tapak Perkuburan)	46
4.3 Latar Belakang Informan	46 – 47
4.4 Hasil Dapatan dan Analisis Kajian	47 – 55
4.5 Kesimpulan	55
Bab Lima: Cadangan dan Rumusan Kajian	56
5.1 Pendahuluan	56
5.2 Rumusan	56 – 58
5.3 Cadangan	58 – 59
5.4 Kesimpulan	59 – 60
Bibliografi	61 – 63
Lampiran	64 – 76

Abstrak

Gawai Antu merupakan perayaan yang disambut oleh masyarakat Iban secara besar-besaran. Kajian ini turut dijalankan di kampung Nanga Padeh Betong Sarawak. Kajian ini berfokus kepada pengelibatn kaum wanita seperti mengenal pasti fungsi, menjelaskan, dan merumuskan. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk mengekalkan budaya dan seni sesebuah masyarakat. Kajian ini juga turut melibatkan keseluruhan perayaan Gawai Antu.

Abstract

Gawai Antu is a celebration celebrated by the massive of Iban Community. This research was conducted in Nanga Padeh Betong Sarawak. The research focuses on the involvement of woman such as their rules, identifying their function, and to formulating. Besides that this study was conducted to preserve the culture and art in our community. This research also involved the whole Gawai Antu celebration.

BAB SATU

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Bab ini akan menerangkan keseluruhan kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji dan diuraikan di dalam beberapa subtopik kecil iaitu perbincangan mengenai latar belakang kajian, skop kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, objektif kajian, dan hipotesis. Di samping itu juga, latar belakang kajian yang merangkumi pelbagai aspek secara langsung mahupun secara tidak langsung di dalam kajian yang bakal dilaksanakan akan dikupas dengan lebih mendalam. Pernyataan masalah kajian juga turut diterangkan dengan lebih lanjut tentang faktor-faktor yang mendorong kajian ini dilaksanakan, iaitu hasil daripada masalah-masalah yang timbul ketika menjalankan kajian ini. Selain itu juga, persoalan dan objektif kajian turut diperbincangkan bagi menjawab persoalan yang ingin dicapai malahan diketahui dengan lebih lanjut dalam kajian ini.

Seterusnya di dalam bab ini juga membincangkan tentang skop kajian, iaitu teori yang diaplikasikan dalam kajian, limitasi kajian, komuniti ataupun fokus kepada masyarakat tertentu, dan kawasan dimana tempat kajian itu dijalankan. Kepentingan kajian juga merupakan salah satu sasaran dalam kajian ini, iaitu bagi memenuhi harapan pengkaji untuk berkongsi ilmu tentang kajian kepada masyarakat umum khususnya golongan muda.

Selain daripada itu, kepentingan kajian juga menerangkan tentang pentingnya kajian ini kepada golongan muda dan masyarakat seluruh dunia, tambahan pula kepentingan kajian ini dapat menghasilkan satu teater kontemporari yang melibatkan unsur tradisional dan memberikan kesedaran bahawa pentingnya mengekalkan

amalan tradisi walaupun tidak melalui cara penyembahan berhala. Selain itu juga, di dalam bab ini turut membincangkan tentang hipotesis ataupun ramalan awal bagi di selaraskan dalam objektif kajian yang ingin dicapai dan menjawab persoalan yang ingin dijawab. Selain itu juga, pengkaji melihat Nyabak Keruggan bukan hanya dari segi sebuah ritual malahan dari segi aspek persembahan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kesedaran tentang Gawai Antu oleh golongan muda dan masyarakat Malaysia amat tipis. Hal ini demikian kerana, para golongan muda dan masyarakat Malaysia tidak mengambil kisah, mahupun masyarakat Iban terutamanya tidak lagi mengamalkan amalan tersebut, malahan menerapkan cara baru iaitu mengikuti kehendak agama. Di samping itu, hal ini boleh mengundang persepsi yang negatif terhadap amalan sesebuah masyarakat contohnya masyarakat Iban. Hal ini demikian kerana, pegangan agama Kristian tidak membenarkan penyembahan berhala. Dalam pada masa yang sama, Gawai Antu Nyabak Keruggan adalah merupakan salah satu penyembahan yang terpesong dari ajaran agama malahan mempercayai roh-roh yang sudah lama mati, tambahan pula ia dilakukan secara ritual.

Gawai Antu “Nyabak Keruggan” merupakan salah satu upacara di mana tamatnya masa berkabung untuk orang yang sudah meninggal dunia. Walau bagaimanapun ia tidak dilakukan dengan segera kerana mengambil beberapa faktor. Faktor utama iaitu, berapa ramai Antu (roh yang sudah meninggal yang belum memeluk agama Kristian), kesanggupan penduduk, dan bajet. Di samping itu, ia juga selalunya digunakan untuk memanggil ataupun menjemput roh-roh yang telah lama mati untuk berkunjung ke alam manusia. Aktiviti ini dilakukan dari pukul 8:00 malam sehingga ke pukul 4:00 pagi. Pada hari kejadian Lemambang ataupun ketua

“Nyabak Keruggan” akan memulakan satu ritual di mana beliau akan memanggil roh saudara kepada keluarga yang telah meninggal. Pada masa yang sama kebanyakan kaum wanita yang berada di dalam bilik dan kaum lelaki akan berada di *ruai* (anjung rumah), akan tetapi ia juga bergantung kepada sebuah daerah.

Di samping itu, pada malam “Nyabak Keruggan” kerusi akan diletakan ke tempuan (di antara *ruai* (anjung rumah) dan pintu masuk), tepat pada pukul 8:00 malam Lemambang akan membaca syair dan ada *rhythm* yang tersendiri. Aktiviti ini akan berlangsung sehingga awal pagi iaitu berhenti pada pukul 4:00 pagi. Rugan (Bakul yang diperbuat daripada rotan) akan digantung bersama dengan pakian si mati ketika masih hidup dahulu, makanan dan perkakas lain, tetapi jikalau si mati adalah wanita perkakas wanita juga akan disimpan. Pada hari terakhir Rugan (anyaman) akan di hantar ke perkubur dan diletakan di atas kubur roh si mati.

Gawai Antu “Nyabak Keruggan” juga memerlukan upacara *miring* sebelum memulakan syair (Nyabak) dan memanggil untuk roh yang sudah meninggal. Selepas roh tersebut datang, Lemambang akan memberitahu kepada waris dan syair akan diteruskan lagi. Bagi aktiviti *miring* adalah wajib dilakukan bagi setiap upacara seperti Gawai Mangkung Tiang, Gawai Kenyalang, Hari Gawai, dan sebagainya. Upacara *Miring* adalah merupakan satu upacara pembukaan bagi setiap upacara yang melibatkan dua alam iaitu *spiritual* dan manusia. Oleh hal yang demikian, bagi mengelakkan satu kejadian yang buruk, upacara *miring* harus dilakukan terlebih dahulu sebagai mengalu-alukan kedatangan roh-roh yang telah lama mati.

1.3 Skop Kajian

Perbincangan ini berkaitan dengan Gawai Antu Nyabak Keruggan yang diamalkan oleh masyarakat Iban pada masa dahulu sebelum kedatangan agama, akan

tetapi masih ada sesetengah daerah di Sarawak yang masih mengamalkannya. Skop kajian pengkaji berfokus kepada masyarakat Iban yang ada di Sarawak terutamanya di kawasan pendalaman. Kawasan yang berkemungkinan akan dijadikan sebagai tempat membuat kajian iaitu Betong Sarawak, tambahan pula Gawai Antu biasanya akan dijalankan pada bulan June dan December. Di samping itu juga, skop kajian ini berfokus kepada Nyabak Keruggan sahaja. Oleh hal yang demikian, pengkaji hanya memberikan penekanan terhadap Lemambang (Pawang/Bomoh) sahaja sama ada Lemambang lelaki atau perempuan akan tetapi lebih berfokus kepada Lemambang wanita.

Pengkaji juga tidak memberikan limitasi terhadap kajiannya kerana sesetengah daerah tidak lagi mengamalkannya dan menggunakan cara baru iaitu agama. Pengkaji juga berkemungkinan akan mengkaji dua tempat atau daerah yang berbeza bagi mendapatkan sumber kajian dengan lebih terperinci.

1.4 Permasalahan Kajian

Gawai Antu “Nyabak Keruggan” merupakan salah satu satu acara yang tradisional ritual dan juga jarang sekali dibuat oleh masyarakat Iban zaman sekarang. Kedatangan agama juga adalah satu kesan yang menyebabkan Gawai Antu Nyabak Keruggan semakin tenggelam dan tidak banyak generasi muda tahu mengenai hal ini. Oleh hal yang demikian pengkaji ingin mengetengahkan permasalahan utama mungkin berpuncunya dari kepercayaan dan agama selain daripada sikap tidak mahu mengambil tahu.

Kekurangan bahan ilmiah bagi rujukan para pelajar terutamanya untuk pelajar universiti menyebabkan pengkaji ingin mengkaji tentang Gawai Antu Nyabak Keruggan sebagai bahan rujukan. Di samping itu juga, para generasi baru dapat

pengetahuan tentang Gawai Antu bahawa ia adalah salah satu tradisi masyarakat Iban yang semakin tenggelam dan tidak diamalkan. Pendedahan ini juga dapat memberikan informasi yang berguna apabila dunia semakin maju.

Hal ini berkemungkinan penyebaran agama seperti agama kristian yang dipeluk oleh masyarakat Iban dan telah melarang mereka daripada melakukan aktiviti seperti upacara yang melanggar hukum agama. Di samping itu juga, sikap tidak mahu berkongsi tentang upacara tradisi oleh generasi tua. Hal ini juga disebabkan jarak di antara mereka terlalu jauh, tambahan pula generasi baru kebanyakannya hidup di bandar.

Gawai Antu Nyabak Keruggan boleh dijadikan sebagai satu pementasan supaya tidak hilang dan sentiasa hidup. Di samping itu juga, ia juga dijadikan satu pengenalan kepada masyarakat Iban selain daripada perayaan Hari Gawai yang memuja semangat padi. Jurang di antara generasi lama dan generasi baru amat ketara, selain itu, era moden juga menyebabkan ia tidak disampaikan menggunakan satu kaedah yang betul, malahan ia juga disampaikan hanya melalui mulut ke mulut.

1.5 Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah cara kaum wanita dalam mengetuai Nyabak Keruggan semasa perayaan Gawai Antu?
2. Mengapakah kaum wanita penting dalam Nyabak Keruggan semasa perayaan Gawai Antu?
3. Adakah kaum wanita merupakan fungsi utama dalam Nyabak Keruggan?

1.6 Objektif Kajian

Tiga objektif kajian iaitu:

1. Mengenalpasti fungsi utama informan kaum wanita dalam mengetuai upacara Nyabak Keruggan semasa Gawai Antu.
2. Menjelaskan cara penyampian Nyabak Keruggan yang diketuai oleh kaum wanita di dalam perayaan Gawai Antu.
3. Merumuskan kepentingan kaum wanita mengetuai Nyabak Keruggan dalam perayaan Gawai Antu.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting bagi memastikan para generasi muda dapat tahu bahawa Gawai Antu Nyabak Keruggan dapat dikekalkan. Hal ini kerana ia tidak akan lenyap oleh keadaan dunia yang semakin maju. Di samping itu, ia juga boleh dijadikan satu cerita secara lisan dan bukan penceritaan dari mulut ke mulut. Walaupun ia tidak melibatkan informan yang sememangnya pandai dalam upacara ini, tetapi Gawai Antu Nyabak Keruggan secara amnya dapat dibukukan.

Selain itu kajian ini berharap dapat memberikan pengetahuan serba sedikit tentang kepentingan informan wanita dalam menjadi pelaku (Lemambang) yang mengetuai upacara Nyabak Keruggan. Gawai Antu merupakan satu upacara yang melibatkan dua alam iaitu alam roh dan alam manusia. Oleh hal yang demikian, para generasi baru harus tahu apakah maksud yang ingin disampaikan oleh informan apabila berkomunikasi dengan alam roh/ghaib dan kenapa ia mesti dilakukan.

Di samping itu juga, ia membolehkan masyarakat umum boleh tahu apakah pantang larang semasa berlangsungnya upacara ini. Upacara semasa memulakan juga

berbeza dengan yang lain, ini berkemungkinan adalah disebabkan faktor tertentu seperti melibatkan dua alam yang berbeza. Meskipun Gawai Antu Nyabak Keruggan adalah salah satu upacara yang melibatkan roh, akan tetapi tidak mustahil jikalau para pelajar drama dan teater dapat mementaskan pementasan ini. Pementasan itu juga tidak semestinya melibatkan *funeral* dan menerapkan gaya baru dalam pementasan. Sebagai contoh jikalau menggunakan skrip *Antigone* yang ditulis oleh Aristophane di mana pada babak Antigone menguburkan abangnya yang telah meninggal.

1.8 Hipotesis

Ramalan awal iaitu, para generasi baru dapat mengetahui apa yang pengkaji cuba sampaikan. Di samping itu, ia berguna untuk para pelajar terutamanya program drama dan teater jikalau ingin mengadaptasi sesebuah skrip dengan menggunakan adat resam budaya dan adat masyarakat Iban iaitu Gawai Antu Nyabak Keruggan dalam persembahan. Dengan menggunakan kerangka teori *Feminist Theory in Practice and Process* dan berfokus kepada *Cultural Feminism* yang ditulis oleh Linda Alcof, pengkaji berharap dapat menerangkan objektif yang ingin dicapai.

1.9 Kesimpulan

Secara keseluruhan bab ini juga memberikan gambaran asas kepada kajian yang ingin dikaji oleh pengkaji supaya dapat menjawab persoalan dan objektif. Fokus kajian ini juga terhadap masyarakat Iban dan hari perayaannya seperti perayaan Gawai Antu. Pengkaji mengkaji dengan lebih mendalam yang melibatkan aspek mengenalpasti, menjelaskan, dan merumuskan kepentingan kaum wanita menerusi Nyabak Keruggan semasa Gawai Antu. Kajian ini yang ingin dikaji oleh pengkaji juga mengalami kepupusan dan semakin ditinggalkan. Oleh hal yang demikian,

pengkaji berharap supaya kajian ini dapat dijadikan sebagai salah satu bahan yang berguna kepada masyarakat luar dan pelajar universiti. Kajian ini juga dijalankan di kampung Nanga Padeh Betong iaitu Tuai Rumah Tonny. Pengkaji juga berharap supaya dapat menjawab objektif dan persoalan dengan menggunakan kerangka teori Kultural Feminisme. Setiap adat tradisional masyarakat manapun seharusnya dijaga malah diperkenalkan kepada masyarakat luar.

BAB DUA

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Gawai Antu merupakan salah satu daripada perayaan yang diraikan oleh komuniti masyarakat Iban sehingga ke hari ini. Walau bagaimanapun ia juga bergantung kepada sebuah daerah dan individu yang ingin meraikan Gawai Antu. Gawai Antu juga sangat berkait rapat dengan masyarakat Dayak terutamanya masyarakat Iban. Selain itu juga, tarikh khusus Gawai Antu tidak tetap seperti Gawai biasa (*Harvest Festival*). Penyediaan semua keperluan untuk Gawai Antu dikira dari segi Kewangan dan saudara mara yang berpeluang balik untuk meraikan upacara ini.

Selain itu, perayaan Gawai Antu juga tidak disambut seperti Gawai selepas musim menuai, malah ia disambut pada jarak 10 tahun atau lebih. Tujuan perayaan Gawai Antu dijalankan bagi mereka yang belum memeluk agama Kristian. Di samping itu, ia juga berfungsi sebagai satu panduan untuk roh mereka untuk kembali ke Sebayan (Syurga) dengan tenang. Dalam proses ini ia memerlukan banyak Selain itu juga, sebelum kembali ke Sebayan, roh yang sudah meninggal dan belum memeluk agama Kristian khususnya, akan dipelawa masuk ke dalam rumah bagi meraikan upacara tersebut bersama keluarga dan kawan-kawan mereka.

2.2 Latar Belakang Etnik Iban

Masyarakat Iban pada zaman dahulu bertumpu di kawasan kepulauan Borneo, iaitu lebih banyak tinggal di Negeri Sarawak. Selain itu juga, masyarakat Iban

terdapat di Kalimantan barat, malahan ada juga Masyarakat Iban yang tinggal di tepi sungai Merakai Indonesia. Tiga kumpulan yang berasal dari Indonesia yang berhijrah ke Sarawak dan menetap di Wong Empangau, di kawasan Hilir Batang Undup dan sebagainya (Benedict Sadin 1967). Berdasarkan sejarah, kebanyakan masyarakat Iban suka mengembara dan tidak tetap tempat tinggal. Di samping itu, masyarakat Iban suka tinggal di kawasan tepi sungai. Masyarakat Iban dipercayai telah datang ke kawasan Sarawak pada awal tahun 1540 (Chang Fat Poh, 1999).

2.3 Sambutan Perayaan Gawai Antu

Berikut adalah susun atur perayaan Gawai Antu yang berlangsung di kampung Nanga Padeh Betong Sarawak. Perayaan Gawai Antu biasanya akan dilakukan mengikut susunan, malahan ia juga memerlukan masa yang lama untuk penyediaan. Kebiasaan individu yang meraikan Perayaan Gawai Antu akan memberikan masa satu hingga dua bulan penyediaan.

1. Ngempi
2. Ngambi Buluh
3. Nyemblih Ngayam
4. Ngayam
5. Nyembelih Mantar
6. Gawai Antu Nyadi
7. Nganjung Raga

2.4 Kajian Tradisional

Journal Origin Ancestry and Alliance: Exploration Austronesian Ethnography

Clifford Sather menyatakan banyak tentang masyarakat Iban. Pada masa yang sama

pengkaji lebih berfokus kepada isi penting yang menyatakan tentang kajian pengkaji iaitu tentang Gawai secara khususnya. Di samping itu, Gawai juga mempunyai banyak cabang seperti Gawai selepas menuai padi, Gawai Antu, Gawai Burung dan lain-lain. Di dalam journal ini pengkaji hanya mengetengahkan tentang Gawai selepas Menuai, Gawai Antu dan Gawai Burong yang berlaku di bahagian Saribas.

Penulis juga menyatakan bahawa perayaan hari Gawai yang berlangsung akan melibatkan upacara *miring* sebelum bermulanya hari Gawai tersebut. Hal ini kerana masyarakat Iban percaya bahawa dengan melakukan upacara *miring* akan mendapat banyak kebaikan dan pertolongan daripada roh-roh yang baik dan nenek moyang mereka. Setiap kali perayaan hari Gawai akan ada satu upacara seperti Pengap ataupun Timang Gawai dipersembahkan yang diketuai oleh Lemambang. “*At the hearth of every Gawai is a complex allegorical invocation (Pengap@Timang Gawai) performed by a company of bards (Lemambang) comprised of a lead bard, answering bard and chorus (Sadin 1977:6-14; Sather 1994:62-63).*” Pada masa yang sama mereka percaya bahawa Petara (Tuhan) yang dijemput datang akan membawa pengaruh (Charms).

Penulis juga menyatakan bahawa masyarakat Iban percaya kepada *traditional belief* seperti roh yang telah diberi pengeras (*Offering*) semasa hari Gawai kerana roh tersebut dapat memberikan kebaikan dari segi kesihatan, *spiritual power*, hasil tanaman yang bagus dan sebagainya. Semasa perayaan hari Gawai juga tugas utama setiap isi rumah iaitu harus *digir* ataupun *bedigir* yang bermaksud duduk di dalam susunan di dalam ruang (Ruai) rumah panjang.

Batang Timang Jalung yang ditulis oleh Philip Igai Anak Melina menyatakan bahawa perayaan Gawai Antu merupakan satu perayaan yang paling besar diadakan

oleh masyarakat Iban di daerah Betong dan Seratok. Di samping itu, tujuan Gawai Antu diadakan bagi membuat *Sungkup* (rumah) untuk orang yang telah meninggal terutamanya untuk ahli keluarga sendiri. Sungkup yang dibuat boleh dihias berdasarkan kebolehan diri. Penulis juga memberitahu bahawa *sebayan* mempunyai dua maksud pertama iaitu, roh orang yang telah meninggal dan kedua iaitu tempat ataupun kampung di mana orang yang telah meninggal.

Cara susunan tempat duduk juga bergantung dengan bergantung kepada jantina, umur, sama ada mereka seorang pahlawan dan apa yang seseorang itu perolehi ataupun kejayaannya. Di samping itu, ketua bilik atau keluarga harus memberitahu tetamu (pengabang) yang datang bahawa mereka harus duduk dengan betul mengikut peringkat umur. Para tetamu yang datang bebas pergi kemana-mana sahaja, berlain dengan penduduk kampung tersebut. Maksudnya disini pergerakan isi rumah panjang dihadkan oleh Tuai Gawai.

Adat kematian Kaum Iban bagi yang belum masuk kristian iaitu Gawai Antu. Secara amnya penulis tidak menyatakan kepentingan nyabak keruggan seperti yang pengkaji ingin kaji. Di sebaliknya, penulis hanya menyentuh tentang kepetnigan Gawai Antu kepada masyarakat Kristian. Di samping itu, penulis menyatakan bahawa Gawai Antu harus dibuat bagi mengelakkan roh yang belum berpegang pada agama hidup aman. Penulis juga menyatakan bahawa Gawai Antu di Saribas adalah berbeza dengan daerah lain, terutamanya dari segi susunan (Ripih Gawai Antu).

2.5 Kajian Feminisme

Pua Identiti dan Budaya Masyarakat Iban yang ditulis oleh Noria Tugang. Tenunan kain Pua lazimnya dilakukan oleh kaum wanita. Bukan sahaja menenun

Kain Pua, malahan kesemua proses untuk membuat Kain Pua banyak dilakukan oleh kaum wanita. Hal ini kerana, sinonimnya kaum lelaki lebih kepada seorang pahlawan dan kaum wanita pula lebih kepada membuat kerja di rumah. Di samping itu, wanita dalam mengetahui membuat tenunan Kain Pua melambangkan status seorang wanita pada zaman tersebut.

Tenunan Kain Pua merupakan satu hasil yang akan mengangkat nama seorang wanita malah dianggap gagah jika dapat menghasilkan anyaman. Sebelum membuat Kain Pua Kumbu, satu upacara ritual akan diadakan terlebih dahulu. Kebiasaanya, hanya kaum wanita sahaja yang akan terlibat dalam proses membuat Kain Pua Kumbu, tak kira dalam proses pembuatan warna yang dibuat dari sumber semulajadi, membuat benang dan sebagainya. Bagi kaum wanita yang pandai dalam menghasilkan hasil seni tangan seperti anyaman dan tenunan akan disanjung tinggi oleh masyarakat dan diberi gelaran *Indu Takar*.

Kaum wanita juga penting selepas *headhunter* yang dilakukan oleh kaum lelaki pada masa dahulu. Hal ini kerana, hasil daripada tenunan Kain Pua tersebut biasanya akan digunakan untuk mengendong kepala yang telah dibawa daripada *Headhunter*. Kain Pua Kumbu sinonimnya digunakan untuk upacara kematian masyarakat Iban tak kira di daerah mana sekalipun. Kaum wanita juga akan membuat satu persembahan tarian Ngajat (tarian ritual) khas kepada kepala yang sudah dipenggal. Kesan daripada penglibatan kaum wanita dalam perihal seperti ritual adalah mampu memperlihatkan seorang wanita boleh menjadi ketua. Di samping itu, ia juga berfungsi sebagai ukuran bahawa kaum wanita bukan sahaja bekerja di dalam bilik atau suri rumah tetapi boleh dijadikan sebagai orang yang mampu dipercayai.